



**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR
PEPERIKSAAN AKHIR**

NAMA KURSUS : ISLAMIC FINANCIAL MANAGEMENT
KOD KURSUS : DPI2173
PEPERIKSAAN : OKTOBER 2018
MASA : 3 JAM

ARAHAN KEPADA CALON

1. Kertas soalan ini mengandungi **TIGA (3)** bahagian: BAHAGIAN A (30 Markah)
BAHAGIAN B (40 Markah)
BAHAGIAN C (30 Markah)
2. Jawab **SEMUA** soalan dari BAHAGIAN A, BAHAGIAN B dan BAHAGIAN C.
3. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
4. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperolehi untuk sesi peperiksaan ini:
 - i. Kertas Soalan
 - ii. Buku Jawapan

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 6 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN

BAHAGIAN A

Bahagian ini mengandungi LIMA (5) soalan. Jawab SEMUA soalan di dalam buku jawapan yang disediakan.

SOALAN 1

Huraikan secara ringkas mengenai risiko liabiliti.

(6 markah)

SOALAN 2

Jelaskan **tiga (3)** perbezaan di antara kontrak insurans dan *takaful*.

(6 markah)

SOALAN 3

Huraikan **tiga (3)** kepentingan pengurusan risiko.

(6 markah)

SOALAN 4

Huraikan secara ringkas berkenaan kecairan portfolio dan kepelbagaian portfolio.

(6 markah)

SOALAN 5

Huraikan secara ringkas mengenai surat kuasa wakil.

(6 markah)

[30 MARKAH]

BAHAGIAN B

Bahagian ini mengandungi DUA (2) soalan. Jawab SEMUA soalan di dalam buku jawapan yang disediakan.

SOALAN 1

- a) Huraikan **empat (4)** komponen utama dalam perancangan kewangan Islam. (8 markah)
- b) Jelaskan **enam (6)** proses perancangan kewangan. (12 markah)

SOALAN 2

- a) Jelaskan **empat (4)** jenis risiko peribadi. (10 markah)
- b) Terangkan **lima (5)** teknik pengurusan risiko. (10 markah)

[40 MARKAH]

BAHAGIAN C

Bahagian ini mengandungi DUA (2) soalan. Jawab SEMUA soalan di dalam buku jawapan yang disediakan.

SOALAN 1

Walaupun kematian berlaku beberapa minit selepas akad nikah dilangsungkan, pasangan itu telah memegang status sah sebagai suami isteri. Oleh itu, mereka berhak untuk saling mewarisi antara satu sama lain.

Jadual di bawah menunjukkan lima situasi yang berbeza. Jelaskan bahagian yang layak diwarisi serta nyatakan alasannya.

Situasi 1

Pattah Aman mempunyai dua isteri iaitu isteri pertama Fajura dan isteri kedua Nilopa. Sepuluh tahun berkahwin mereka tidak dikurniakan rezeki anak. Pattah Aman mati akibat paru-paru berair. Berapakah bahagian yang layak diterima oleh Fajura dan Nilopa?

Situasi 2

Asri dan Mira Filjah baru sebulan mendirikan rumah tangga. Kedua-dua mereka adalah teruna dan dara. Asri disahkan meninggal dunia dalam satu kemalangan jalan raya. Berapakah bahagian yang berhak diterima oleh Mira Filjah?

Situasi 3

Ihsan dan Ziana Sen hidup sebagai suami isteri dan dikurniakan empat orang cahaya mata. Ziana Sen meninggal dunia akibat penyakit kencing manis. Berapakah bahagian yang layak diterima oleh Ihsan?

Situasi 4

Arif adalah seorang duda beranak satu dan telah berkahwin dengan Hanna Gelisha yang merupakan seorang dara. Perkahwinan mereka selama lima tahun tidak dikurniakan cahaya mata. Arif mati mengejut kerana serangan jantung. Berapakah bahagian yang berhak diterima oleh Hanna Gelisha?

Situasi 5

Harith seorang duda beranak satu, telah berkahwin dengan Janna Nok seorang janda berhias (tiada anak). Janna Nok meninggal dunia akibat tertelan biji buah durian. Berapakah bahagian yang layak diterima oleh Harith?

(15 markah)

SOALAN 2

Safiq Raham telah membuka akaun simpanan bersama Bank Iman Malaysia Berhad manakala isterinya Zandra Alala menggunakan Bank CINB dan Ogosbank untuk tujuan yang sama.

Berikut merupakan butiran akaun simpanan masing masing.

Akaun Safiq Raham

Bank Iman Malaysia Berhad			
Tarikh	Masuk/Dividen	Keluar	Baki
1/1/2017	12,000.00		12,000.00
5/3/2017	8,000.00		20,000.00
25/10/2017	570.00 (faedah)	14,500.00	6,070.00
15/3/2018	500.00		6,570.00
10/4/2018		250.00	6,320.00

Akaun 1 Zandra Alala

Bank CINB			
Tarikh	Masuk/Dividen	Keluar	Baki
2/3/2017			7,000.00
28/7/2017		500.00	6,500.00
30/12/2017	1300.00		7,800.00
15/3/2018	2,400.00	400.00	9,800.00
2/4/2018	2,000.00		11,800.00

Akaun 2 Zandra Alala

Ogosbank			
Tarikh	Masuk/Dividen	Keluar	Baki
1/3/2017	7,500.00		7,500.00
28/11/2017		4,500.00	3000,00
25/3/2018	4,500.00		7,500.00
20/4/2018	5,300.00		12,800.00

Kirakan zakat yang wajib dikeluarkan oleh Safiq Raham dan Zandra Alala serta jelaskan alasan pelaksanaan zakat tersebut.

(15 markah)

[30 MARKAH]

KERTAS SOALAN TAMAT

